

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA
PELUPUSAN ASET ALIH (KEW.PA-27)**

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:

Bil.	Keterangan Aset	Nombor Pendaftaran Kenderaan	Kuantiti	Harga Simpanan
1.	Naza Sorento	SAB4902A	1 buah	RM13,000.00
2.	Toyota Fortuner	SAB1069A	1 buah	RM30,000.00
3.	Toyota Land Cruiser	SAB9145A	1 buah	RM90,000.00
4.	Mitsubishi Triton	SAB8506N	1 buah	RM26,000.00

2. Aset boleh dilihat pada 23 November – 8 Disember 2020 di antara jam 9.00 pagi hingga 11.00 pagi di Pejabat Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDIA).
3. Lawatan kenderaan **TIDAK DIWAJIBKAN**. Walau bagaimanapun, sekiranya pemohon mahu melihat sendiri kenderaan tersebut, **amalan social distancing, penggunaan hand sanitizer dan pemakaian face mask adalah perlu bagi mengelakkan penyebaran penyakit berjangkit**. Pemohon disarankan untuk mengamalkan langkah pencegahan seperti mengelakkan bersalaman, aktiviti perbualan yang terlalu dekat ketika berurusan di pejabat SEDIA.
4. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-28) yang boleh diperolehi di alamat seperti di para 5. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari.
5. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan di tanda **No. Sebut Harga : SEDIA/SH(OE)/35/20** dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di alamat:-

SETIAUSAHA JAWATANKUASA PEMBUKAAN SEBUT HARGA SEDIA, PIHAK BERKUASA PEMBANGUNAN EKONOMI DAN PELABURAN SABAH (SEDIA), LOT 1, TINGKAT BAWAH, WISMA SEDIA, OFF JALAN PINTAS PENAMPANG, P.O. BOX 17251, 88300 KOTA KINABALU, SABAH.

6. Tarikh tutup sebut harga pada **8 Disember 2020 (Selasa), jam 12.00 tengah hari**. Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.

SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

- Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
- Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak 5% daripada harga tawaran bagi setiap aset. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk **Wang Pos/Draf Bank** sahaja atas nama **SEDIA – FEDERAL OPERATION FUND**
- Tawaran tanpa/kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
- Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is basis*).
- Pihak SEDIA tidak akan bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
- Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
- Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh pemberitahuan keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.
- Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh empat belas (14) hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset tersebut.

PIHAK BERKUASA PEMBANGUNAN EKONOMI DAN PELABURAN SABAH